



» BERITA (BERITA) » "BEKERJA SAMBILAN TIADA MASALAH JIKA BIJAK MENGURUSKAN MASA DENGAN BAIK"

Senarai Berita ( /berita)

## "BEKERJA SAMBILAN TIADA MASALAH JIKA BIJAK MENGURUSKAN MASA DENGAN BAIK"



SERDANG, 24 MAC - Nurul Fariza Syuhada binti Fauzi, 28 beraya menamatkan pengajiannya dalam Master Psikologi Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) kali ke-45 hari ini.

Meskipun melalui fasa getir semasa berada di pengajian, Nurul Fariza meluahkan rasa syukur kerana berjaya menamatkan pengajiannya dengan jayanya.

Anak kelahiran Kulai, Johor itu sebelum ini memulakan pengajiannya di UPM pada tahun 2018 dan beliau banyak menghabiskan masanya untuk bekerja sambil untuk meringankan beban keluarga.

Semasa berada di UPM, Nurul Fariza menggunakan motorsikalnya untuk menjadi "runner" bagi membantu rakannya yang rajin membuat peminaan. Katanya peluang tersebut perlu diambil sebagai peluang kepada beliau mendapatkan duit sampingan.

Kadang kala, Nurul Fariza juga akan bekerja sebagai seorang pembantu di restoran, di hotel dan juga majlis-majlis korporat." Katanya.

Berkenaan pengurusan masa, "saya penuhi jadual kelas saya kepada dua hari saja dalam seminggu, pukul tiga hingga pukul sembilan malam saya akan padatkan masa dengan menghadiri kelas. Hari yang saya kosongkan pula adalah hari untuk saya bekerja. Tesis saya akan buat pada waktu malam sahaja. Itulah kelebihan apabila mempunyai masa yang fleksibel kerana kita sendiri yang dapat menguruskannya.

Nurul Fariza merupakan anak sulung daripada tiga adik beradik itu tidak menerima mana-mana tajaan semasa pengajiannya. Beliau okai pekerjaan sambil ini sangat penting untuk menampung pengajiannya, "Masa belajar ni banyak pakai duit, jadi saya mahu mencari pendapatan sendiri dan tidak mahu menyusahkan ibu bapa saya", katanya.

Tambahnya lagi, beliau sangat bersyukur kerana dapat pensyarah yang memahaminya, pernah juga beliau hampir berputus asa dan ingin berhenti belajar, kerana mengalami tekanan dengan persekitaran baharu semasa mula-mula memasuki UPM.

Nurul Fariza sering berpegang pada dengan kata-katanya, "dalam hidup ini kalau ada orang yang cuba jatuhkan kita, pasti akan ada orang lain yang sambat kita, cari seseorang untuk menjadi pendamping kita kerana bagi saya ia penting untuk kita terus semangat." - UPM

Tarikh Input: 24/03/2022 | Kemaskini: 24/03/2022 | hairul\_nizam

### PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fbekerja\_sambilan\_tiada\_masalah\_jika\_bijak\_menguruskan\_masa\_dengan\_baik-660678&title=%E2%80%9CBEKERJA%20SAMBILAN%20TIADA%20MASALAH%20JIKAIN%20BIJAK%20MENGURUSKAN%20MASA%20DENGAN%20BAIK%E2%80%9D%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia) ( /facebook) ( /twitter) ( /linkedin) ( /email) ( /copy\_link) ( /wordpress) ( /print)

### HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor, Darul Ehsan  
MALAYSIA

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN  
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)  
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |  
03-9768 1959

### PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Pemohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/Asih/)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)

KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/index.action?method=home)

Jawatan Kosong (http://tajj.upm.edu.my/)

Sistem Baik Pulih ICT (http://zaicact.upm.edu.my/)

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)

Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)

Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)

i-GIMS (stat) (http://www.sps.upm.edu.my/8080/gims/index.jsp)

i-GIMS (pelajar poscas/wazah) (http://spgportal.upm.edu.my/8080/gspportal/)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smpj/action/security/login?GmpSetup)

### PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)

Multimedia Super Corridor (https://mdc.my/msc-malaysia)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)

Ageni Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

### PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN ( /entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)

Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)

Laporan Program Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenal\_kami/maklumat\_korпорat/program\_pelanggan-8202)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal\_kami/8080/8080-1601)

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/hspk\_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my/)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan\_UPM\_2018/8)

Takwim UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/ugload/dokumen/202104210826007AKWIM\_UPM\_2021\_20.1.2021.pdf)

UPM Flywire (https://landing.pages.flywire.com/landing/upm)

